

20 NOV 1996

IWK ALU KEPUTUSAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Indah Water Konsortium (IWK) hari ini berkata ia komited dalam melaksanakan keputusan kerajaan untuk membatalkan hutang pengguna kepada syarikat itu.

Pengerusi Eksekutifnya Datuk Wan Adli Wan Ibrahim dalam satu kenyataan di sini berkata syarikat itu gembira bahawa kajian semula itu yang diminta oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mei lalu telah selesai.

"Kami percaya kerajaan telah menimbang pendapat semua pihak, terutama persatuan pengguna, pemimpin masyarakat, sektor perniagaan dan komersil sebelum mencapai penyelesaian yang komprehensif untuk mengatasi segala isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak terbabit," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini bahawa kerajaan telah bersetuju membatalkan hutang pengguna kepada IWK.

Beliau juga berkata ia akan memperkenalkan caj baru yang tetap berdasarkan sesuatu tempat seperti rumah, pejabat dan kilang.

IWK diberikan konsesi mengambilalih perkhidmatan pembedungan negara pada April 1994 untuk selama 28 tahun sebagai sebahagian daripada rancangan penswastan kerajaan. -- BERNAMA

RV AKD